



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PEMEROLEHAN DAN PENGUASAAN LEKSIKAL BAHASA MELAYU
DALAM KALANGAN KANAK-KANAK INDIA DI PRASEKOLAH**

GAYATRI A/P MARIMOTHU

FBMK 2018 90



**PEMEROLEHAN DAN PENGUASAAN LEKSIKAL BAHASA MELAYU
DALAM KALANGAN KANAK-KANAK INDIA DI PRASEKOLAH**

Oleh

GAYATRI A/P MARIMOTHU

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Master Sastera**

Februari 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**PEMEROLEHAN DAN PENGUASAAN LEKSIKAL BAHASA MELAYU
DALAM KALANGAN KANAK-KANAK INDIA DI PRASEKOLAH**

Oleh

GAYATRI A/P MARIMOTHU

Februari 2018

Pengerusi : Rohaidah Binti Kamaruddin, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemerolehan leksikal bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak India melalui rangsangan visual. Kajian ini berfokus kepada pemerolehan dan penguasaan leksikal kanak-kanak India dari aspek golongan kata. Kajian ini dijalankan dalam kalangan kanak-kanak India yang berusia 4-6 tahun di prasekolah dan merupakan tahap penguasaan bahasa yang kritikal. Objektif kajian ini ialah untuk Objektif kajian yang dijalankan oleh penyelidik adalah mengenal pasti tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa Melayu kanak-kanak India di prasekolah. Di samping itu kajian yang dijalankan juga menghuraikan tahap pemerolehan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak India. Bukan itu sahaja, kajian yang dijalankan ini menjelaskan faktor-faktor afektif dalam penguasaan leksikal bahasa Melayu.

Pemerhatian dilakukan ke atas 17 orang kanak-kanak India prasekolah di tiga Smart Readers sekitar daerah Seremban. Penyelidik menjalankan kajian lapangan menggunakan kaedah pemerhatian. Bahan-bahan bergambar digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini untuk membolehkan kanak-kanak dapat mengungkapkan maksud leksikal bahasa Melayu melalui bahan-bahan rangsangan visual. Penyelidik juga mendapati tahap pemerolehan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu kanak-kanak adalah baik tetapi dipengaruhi oleh bahasa pertama atau bahasa ibunda. Namun begitu tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa kedua kanak-kanak semakin baik apabila usia meningkat. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa faktor afektif yang mempengaruhi proses pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak.

Kata kunci : Pemerolehan leksikal bahasa Melayu, penguasaan leksikal, kanak-kanak India, rangsangan visual, golongan kata, Teori Monitor

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

**LEXICAL ACQUISITION AND MASTERY OF THE MALAY LANGUAGE
AMONG INDIAN CHILDREN AT PRESCHOOL**

By

GAYATRI MARIMOTHU

February 2018

Chairman : Rohaidah Binti Kamaruddin, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

The study aims to identify the lexical acquisition and mastery of the Malay language amongst Indian children through visual stimuli. This study focuses on the acquisition of lexical of Indian children from the aspect of the word category. The inspiration behind this study is to see the acquisition of second language among Indian children when they are in preschool and after they have mastered their native language or their first language. The objective of this study is to identify the lexical acquisition and mastery of Malay language among Indian children through visual senses. This study sets to describe the mechanism that influences the lexical acquisition and mastery of the Malay language of these Indian children. This study also shows about affective factors in language acquisition and mastery.

17 Indian pre-school children of 5 to 6 years age group from three Smart Readers around the Seremban district were observed. The researchers conducted field surveys using the observation method. The pictorial materials used by the researchers in this study were to enable the children to express the lexical meaning of the Malay words through visual stimulus. Researchers also found there is lexical acquisition of the Malay words amongst children is good but influenced by the first language and also by native language. However the first language influenced the acquisition of Malay language more among the Indian children get less when the children get older. The second language acquisition theory which is the Monitor theory was used to strengthen this study. The findings show that there are several affective factors that influence the language acquisition process among children and the findings from this research also further validate that teachers, parents and

preschool administrators should assist in the acquisition of the Malay language lexical among children.

Key word : lexical acquisition of the Malay language, mastery of the Malay language, Indian children, visual stimulus, word category, Monitor theory



PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana memudahkan penulisan ini sehingga menemui noktah akhirnya. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr.Hajah Rohaidah binti Haji Kamaruddin selaku penyelia tesis dan Prof.Dr.Noor Aina binti Dani selaku ahli jawatankuasa penyelia tesis di atas ilmu dan tunjuk ajar yang diberikan selama ini. Pandangan dan dorongan yang diberikan bukan sahaja bermanfaat bagi kajian ini malah akan disemat dalam ingatan sebagai pedoman di kemudian hari. Tunjuk ajar Dr. Sharil Nizam bin Sha'ri juga telah membantu penulisan penyelidik ini.

Sokongan dan dorongan suami Encik Kannan, ibu Puan Mariayee, anak-anak Mugilan serta Mookambiga. Nasihat mendiang ayah Encik Marimothu telah memotivasikan lagi penyelidik dalam usaha menyempurnakan kajian ilmiah ini. Ilmu dan tunjuk ajar daripada pensyarah-pensyarah UPM sepanjang mengikuti program Sarjana telah memberi pencerahan dan panduan ke arah penulisan yang lebih baik tidak akan saya lupakan.Perkongsian serta pertukaran pendapat antara sahabat juga menjana penghasilan idea yang bermanfaat dan digunakan dalam penulisan ilmiah ini.

Semoga kajian ini dapat memberi sumbangan kepada dunia bahasa serta kanak-kanak yang mempunyai bahasa kedua iaitu bahasa Melayu.Semoga keberkatan Tuhan turut diperoleh dan kajian ini dapat dimanfaatkan bersama-sama.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Sarjana. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Rohaidah Kamaruddin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Noor Aina binti Dani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Gayatri a/p Marimothu, GS44778

ISI KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB

1	PENDAHULUAN	1		
	1.1	Pendahuluan	1	
	1.2	Latar belakang kajian	2	
	1.3	Pernyataan Masalah	8	
	1.4	Kepentingan Kajian	10	
	1.5	Objektif kajian	10	
	1.6	Persoalan Kajian	11	
	1.7	Skop Kajian	11	
	1.8	Definisi Operasional	12	
		1.8.1	Pemerolehan dan penguasaan Leksikal bahasa Melayu	12
		1.8.2	Bahasa Melayu	12
		1.8.3	Kanak- kanak India prasekolah	12
		1.8.4	Golongan kata	13
2	SOROTAN KAJIAN	14		
	2.1	Pengenalan	14	
	2.2	Kaedah Kajian dalam Pemerolehan dan Penguasaan Bahasa	14	
	2.3	Kajian pemerolehan bahasa kanak-kanak	16	
	2.4	Kajian penguasaan bahasa Melayu	17	
	2.5	Kajian leksikal bahasa Melayu	18	
	2.6	Kajian Teori Monitor	19	
	2.7	Kajian Faktor- faktor Afektif dalam bahasa	23	
	2.8	Perkaitan Kajian dengan sorotan kajian lepas	23	
3	METODOLOGI	26		
	3.1	Pengenalan	26	
	3.2	Reka bentuk kajian	26	
	3.3	Kaedah Kajian	27	

3.4	Tempat Kajian	29
3.5	Populasi dan Pensampelan	30
3.6	Profil Responden	32
3.7	Instrumen Kajian	34
3.8	Tatacara Pengumpulan Data	35
3.9	Penganalisan Data	36
3.10	Kerangka Konseptual	38
3.11	Kesimpulan	41
4	KEPUTUSAN dan Perbincangan	42
4.1	Pengenalan	42
4.2	Profil Sampel	42
4.3	Dapatan Kajian	43
4.4	Faktor- Faktor Afektif dalam Pemerolehan Bahasa	67
4.5	Hubungkait dapatan kajian dengan sorotan kajian	71
4.6	Rasional Teori Monitor	73
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	76
5.1	Rumusan	76
5.2	Implikasi Kajian	77
5.3	Cadangan	78
5.3.1	Cadangan untuk guru	78
5.4	Cadangan untuk ibu bapa kanak- kanak India	80
5.5	Cadangan Peranan Prasekolah	81
5.6	Cadangan Penyelidikan selanjutnya	82
	RUJUKAN	83
	LAMPIRAN	87
	BIODATA PELAJAR	91

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat	
3.1	Populasi dan pensampelan	31
3.2	Jumlah endromen pelajar di prasekolah SR pada tahun 2017	32
3.3	Bilangan pelajar India (4 hingga 6 tahun) di SR pada tahun 201	33
3.4	Jumlah kanak- kanak India yang berusia lima hingga enam tahun di prasekolah SR pada tahun 2017	33
3.5	Jumlah kanak- kanak India yang berusia lima hingga enam tahun di prasekolah SR pada tahun 2017 yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama	33
3.6	Responden mengikut jantina	33
4.1	Jawapan responden berdasarkan leksikal golongan kata	65
4.2	Ujaran responden yang dipengaruhi leksikal bahasa ibunda dan leksikal bahasa pertama	69

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
3.1 Golongan Kata	37
3.2 Proses – proses Dalam Teori Monitor	39



SENARAI SINGKATAN

SR- Smart Readers

Pdp - Pengajaran dan pembelajaran



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Bahasa merupakan alat komunikasi sejak manusia lahir di dunia. Di samping itu, agar komunikasi setiap manusia berjalan dengan baik, maka lazim bagi manusia untuk mengetahui fungsi-fungsi bahasa dalam kehidupannya. Pemerolehan bahasa dikenali sebagai *language acquisition* dalam bahasa Inggeris. Maksan (1993: 20) mengatakan pemerolehan bahasa ialah proses penguasaan bahasa yang berlaku secara tidak sedar, implisit dan informal. Menurut Lyson pemerolehan bahasa menghasilkan pengetahuan bahasa dan digunakan oleh penutur tanpa mempelajari sesuatu bahasa yang dituturnya. Menurut Dardjowidjodjo (2003:225) pemerolehan bahasa ialah proses penguasaan bahasa yang berlaku sewaktu seseorang mempelajari bahasa secara natural. Stock dan Widdowson (1974:134) dalam tulisannya menyatakan bahawa kelancaran anak- anak dalam bahasa ibundanya.

Pemerolehan bahasa merupakan proses pemerolehan bahasa yang berlaku di dalam otak kanak- kanak. Pemerolehan bahasa ialah penguasaan bahasa hasil kontak verbal yang berlaku secara tidak disedari apabila dengan penutur asli lingkungan bahasa itu. Pemerolehan bahasa tidak dipengaruhi oleh sistem dalam bahasa yang dipelajari. Pemerolehan bahasa kedua berlaku apabila kanak-kanak telah menguasai bahasa pertamanya. Pemerolehan bahasa ialah proses manusia mendapatkan dan memahami bahasa sehingga menghasilkan perkataan mahupun ayat untuk berkomunikasi. Ahli falsafah pada zaman dahulu amat berminat mempelajari keupayaan manusia dalam memahami dan menghasilkan bahasa melalui kaedah empirikal untuk mengenal pasti teori pemerolehan bahasa berkembang. Plato telah menjalankan pemerhatian awal dalam proses pemerolehan bahasa. Cendiakawan bahasa Sanskrit pula mendebatkan lebih 12-abad sama ada pemerolehan manusia adalah disebabkan keistimewaan yang diberikan oleh tuhan kepada manusia untuk mengenali makna perkataan atau telah diperturunkan dan dipelajari dari satu generasi ke satu generasi.

Thomas Hobbes dan John Locke telah menyatakan bahawa bahasa diperoleh melalui pemikiran seseorang yang bersifat abstrak. Pendapat mereka akhirnya melahirkan pendapat tambahan tentang pemerolehan bahasa iaitu bahasa dikatakan diperolehi melalui pengalaman deria seseorang. Aufbau Rudolf Camap pula berpendapat bahawa penguasaan bahasa ialah keupayaan mempelajari pengetahuan menggunakan butiran data atau fakta yang mengelompokkan bahasa itu. Penggerak teori behaviorism pula berpendapat bahawa bahasa dibentuk melalui cara pengguna bahasa

mengendali dan menggunakan bahasa. B.S. Golongan nativists pula berpendapat kanak-kanak menguasai bahasa secara semula jadi dan kanak-kanak ini tidak perlu dilatih kerana mereka menguasai bahasa seperti mana mereka menguasai kemahiran-kemahiran lain. Secara semula jadinya, kanak-kanak mampu menguasai bahasa kerana mempunyai Alat Penguasaan Bahasa yang membantu kanak-kanak menguasai sesuatu bahasa.

Perkataan atau leksikal yang diujarkan oleh manusia adalah bertujuan untuk menyatakan buah fikirannya, menyuarakan keinginan dan perasaan. Ahli bahasa menyatakan struktur bahasa akan dikuasai dan difahami terlebih dahulu sebelum menukarkan peraturan yang sesuai dengan bahasa. Keupayaan menggunakan bahasa pula adalah mengikut fonologi, sintaksis, morfologi, semantik atau pembendaharaan kata. Kanak-kanak sangat mudah menerima pengaruh yang didedahkan kepada kanak-kanak sejak mereka dilahirkan. Pada usia 1 hingga 5, pemerolehan dan penguasaan kanak-kanak dalam adalah kritikal dan proses penguasaan bahasa diperolehi secara semula jadi melalui proses pemerolehan bahasa. Penguasaan bahasa bermula apabila kanak-kanak dapat mengabungkan dua atau lebih perkataan penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak prasekolah sememangnya mempunyai hubungan langsung dengan tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak itu sendiri.

1.2 Latar belakang kajian

Penubuhan Prasekolah di Malaysia

Di Malaysia prasekolah atau dikenali sebagai tadika telah wujud di Malaysia sejak tahun 1950. Pendidikan awal ini pada mulanya adalah hanya untuk golongan atasan atau golongan pertengahan. Namun begitu, pada tahun 1960, beberapa agensi kerajaan telah menubuhkan tadika untuk anak-anak pekerja di agensi terbabit menuntut ilmu.

Kemudiannya pendidikan kanak-kanak di prasekolah mengalami pertambahan bilangan pada tahun 1981-1985 kerana prasekolah ini mampu memberi pelbagai kebaikan kepada kanak-kanak. Urie Bronfenbrenner, seorang ahli psikologi yang mempelopori Teori Ekologi, dalam bukunya *Two Worlds of Early Childhood* (Rohaty, 1982), pendidikan di prasekolah sebagai pendidikan awal kanak-kanak mampu memberikan pengalaman kepada yang mungkin tidak didapati oleh mereka di sekolah.

Pada tahun 1992, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menubuhkan prasekolah untuk kanak-kanak di Malaysia memperoleh pendidikan dari usia awal lagi. Sebanyak 1131 buah prasekolah diwujudkan setelah mendapat persetujuan jemaah menteri dan projek ini merupakan projek rintis kerajaan

Malaysia. Pada 6 Jun 2001 setelah mesyuarat Jemaah Menteri, KPM telah menjalankan program perluasan prasekolah dan telah diadakan dari semasa ke semasa. Kanak – kanak yang berumur empat hingga enam tahun diberikan pendidikan prasekolah untuk jangka masa setahun atau lebih bagi membolehkan kanak- kanak ini bersedia dari aspek fizikal dan mental untuk menempuhi alam persekolahan mereka nanti.

Matlamat prasekolah ialah menyediakan kanak-kanak dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek apabila kanak-kanak memasuki sekolah rendah. Sistem pendidikan Kebangsaan melalui Akta Pendidikan 1996 turut merangkumi pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan selepas menengah dan pendidikan tinggi. KPM telah memperuntukkan pelbagai aspek penting tentang prasekolah menerusi Akta pendidikan 1996. Kanak- kanak dapat menikmati peluang pendidikan secara sama rata tanpa mengiri kaum, status sosial dan etnik. Hal ini dapat menyediakan modal insan yang berkualiti dan bakal pemimpin bertaraf antarabangsa.

Melalui subseksyen 17(1), bahasa- bahasa selain bahasa kebangsaan boleh diajarkan kepada kanak-kanak di tadika atau prasekolah itu dan digunakan sebagai bahasa pengantar. Akan tetapi, sesuatu prasekolah masih boleh menggunakan bahasa selain bahasa kebangsaan namun bahasa kebangsaan akan diajar sebagai mata pelajaran wajib. Penguasaan yang baik dalam bahasa Melayu akan membantu meningkatkan kemahiran berbahasa kanak-kanak dan membantu mereka untuk berkomunikasi dengan baik dalam kalangan kawan-kawan yang berbangsa lain.

Prasekolah amat menitikberatkan perkembangan kanak-kanak secara keseluruhan yang merangkumi kemahiran bahasa dan komunikasi, perkembangan emosi sosial dan fizikal, kreativiti dan estetika serta pembentukan moral dan kerohanian. Pendidikan prasekolah menggunakan pendekatan yang integrasi untuk menarik minat kanak-kanak untuk belajar, dan mempratikkan perkara yang dipelajarinya dalam kehidupan seharian dan bukannya hanya terhad di dalam kelas sahaja. Kaedah pembelajaran dan pengajarannya menggunakan pendekatan belajar melalui bermain. Aktiviti yang dirancang menitikberatkan perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh, bersepadu dan seimbang. Di samping menekankan aktiviti yang boleh merangsang perasaan ingin tahu kanak-kanak pembelajaran di prasekolah juga mengukuhkan lagi kordinasi motor kasar dan halus kanak-kanak menggunakan daya kreatif. Malahan pendidikan prasekolah juga memupuk semangat bekerjasama antara kanak-kanak, menanam sifat hormat-menghormati serta menjadikan mereka lebih berdisiplin agar mereka akan bersedia mengikuti pembelajaran dan pengajaran yang lebih formal di sekolah rendah nanti.

Pendidikan prasekolah meningkatkan kebolehan kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan mereka dan memupuk sikap positif dalam kalangan kanak-kanak. Kanak-kanak turut dapat menguasai kemahiran asas di prasekolah sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah. Pendidikan di prasekolah merupakan persediaan kanak-kanak memasuki alam persekolahan sekolah rendah. Di prasekolah, kanak-kanak belajar menguasai kemahiran 3M seperti membaca, menulis dan menaakul. Prasekolah memberikan keseronokan dan peluang kepada kanak-kanak meningkatkan potensi diri mereka.

Smart Readers (SR) telah ditubuhkan pada tahun 1988 oleh Dato' Sri Dr Richard Ong dan Datin Sri Dato' Dr KH Wang sebagai Smart Education Centre dan kemudiannya ditukarkan namanya sebagai Smart Readers Worldwide Sdn Bhd pada 1998. Tujuannya ialah untuk mengembangkan program Bahasa Inggerisnya kepada peringkat antarabangsa. Prasekolah ini menggunakan metalogi kreatif dan bahan-bahan yang telah diakui keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran. SR mampu melahirkan modal insan yang berketrampilan, kreatif dan berkeyakinan.

SR menekankan bahasa Melayu dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin turut diajar. Namun begitu, SR hanya menjadi pilihan dalam kalangan ibu bapa yang berada dan mempunyai status ekonomi yang stabil disebabkan bayaran bulanan yang agak tinggi bersesuaian dengan modulnya yang berkualiti tinggi. Kebanyakan kanak-kanak di SR adalah daripada keluarga yang berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dan mempunyai status sosial yang tinggi. Tujuan penubuhan prasekolah ini ialah untuk mengembangkan program bahasa Inggerisnya kepada peringkat antarabangsa. Prasekolah ini menggunakan metalogi kreatif dan bahan-bahan yang telah diakui keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Penggunaan Bahasa Melayu di peringkat prasekolah

Pendidikan prasekolah meningkatkan kebolehan kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan fizikal dan mental di samping memupuk sikap positif. Selain itu kanak-kanak dapat menguasai kemahiran asas sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah. Pendidikan di prasekolah adalah persediaan kanak-kanak memasuki alam persekolahan sekolah rendah. Di prasekolah, kanak-kanak belajar menguasai kemahiran 3M seperti membaca, menulis dan menaakul. Prasekolah memberikan keseronokan dan peluang kepada kanak-kanak meningkatkan potensi diri mereka.

Penggunaan bahasa kebangsaan dengan betul juga merupakan objektif penubuhan sekolah prasekolah. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Malaysia penting disematkan dalam diri kanak-kanak sejak mereka

kecil lagi kerana memudahkan pemerolehan dan penguasaan mereka terhadap bahasa Melayu. Penguasaan yang baik dalam bahasa Melayu akan membantu meningkatkan kemahiran berbahasa kanak-kanak dan membantu mereka untuk berkomunikasi dengan baik terutamanya kepada rakan dan guru-guru.

SR menekankan bahasa Melayu dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin turut diajar. Namun begitu, SR hanya menjadi pilihan dalam kalangan ibu bapa yang berada dan mempunyai status ekonomi yang stabil disebabkan bayaran bulanan yang tinggi. Kebanyakan kanak-kanak di SR adalah daripada keluarga yang berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dan mempunyai status sosial yang tinggi.

Pemerolehan dan penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak

Menurut Corder (1973) pemerolehan bahasa ialah proses kanak-kanak memperoleh kemahiran yang lain serta pengetahuan tentang sekelilingnya. Kennedy (1973:68) berpendapat kanak-kanak mula memperoleh bahasa pertama sentiasa terdedah kepada persekitaran yang mempunyai leksikal dan tatabahasa orang dewasa tetapi kanak-kanak tidak memahaminya. Seseorang kanak-kanak tidak mempelajari bahasa secara formal tetapi mempelajari bahasa seketika mereka mendengar dan menyebut berulang kali. Setiap manusia mempunyai tahap penguasaan bahasa yang tersendiri. Bahasa ini melambangkan keinginan seseorang, perasaan dan buah fikiran. Bahasa ini disusun agar mengikuti hukum bahasa sesuatu masyarakat. Bahasa diperlukan untuk berkomunikasi dengan orang lain untuk menyatakan idea, perasaan dan maklumat. Dalam Kamus Dewan (2005) perkataan penguasaan bererti perihal menguasai atau penguasaan. Malahan penguasaan Bahasa Melayu sangat penting dalam bidang pendidikan kerana bahasa tersebut menjadi medium utama dalam PdPc di prasekolah.

Tokoh bahasa Russia Vygotsky berpendapat kanak-kanak menguasai bahasa dengan bantuan orang yang lebih tua. Kanak-kanak dikatakan meniru persembahan bahasa orang dewasa yang memberi sokongan kepada kanak-kanak. Halliday seorang tokoh teori penguasaan bahasa pula berpendapat penguasaan bahasa ini merupakan proses yang aktif dan mereka cenderung untuk melakukan kesalahan ketika berbahasa. Mereka melakukan pembetulan berdasarkan kesilapan yang dilakukan. Daripada mempelajari kesilapan ini, mereka dapat menguasai bahasa dengan betul.

Menurut Naom Chomsky, kanak-kanak yang normal dilahirkan dengan fakulti bahasa yang mengandungi sistem kognitif yang disebut sebagai mekanisme tatabahasa yang universal. Chomsky juga berpegang kepada konsep perkara yang didengar oleh kanak-kanak adalah perkara yang akan ditutur oleh

mereka. Menurut Corder (1973) pemerolehan bahasa ialah proses kanak-kanak memperoleh kemahiran yang lain serta pengetahuan mengenaisekelilingnya. Kennedy(1973:68) berpendapat kanak-kanak mula memperoleh bahasa pertama ini sentiasa terdedah kepada persekitaran yang mempunyai tatabahasa orang dewasa. Seseorang kanak-kanak tidak mempelajari bahasa secara formal tetapi mereka mempelajari bahasa seketika mereka mendengar dan menyebut berulang kali sesuatu perkataan.

Pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak berkembang sejajar dengan perkembangan fizikal dan mental kanak-kanak itu. Bayi yang baru dilahirkan tidak mempunyai bahasa dan hanya tangisan dan gerak tubuh badan menjadi medium bahasa mereka. Bunyi tangisan bayi bukan bahasa kerana tangisan mereka tidak mengandungi pola-pola dan mereka tidak dapat menyampaikan idea dan emosi mereka. Kebanyakan ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak tidak mempunyai maksud.

Namun begitu pada usia dua tahun, kanak-kanak mula menggabungkan perkataan untuk menghasilkan ayat (Bukatko & Daehler 1995). Pemerolehan bahasa kanak-kanak berlaku secara aktif pada usia kanak-kanak dua hingga lima tahun. Kanak-kanak yang berusia dua tahun memperolehi kata nama dan kata-kata abstrak tidak wujud pada ketika itu. Pada ketika ini, kanak-kanak akan menggunakan sebutan yang singkat seperti "papa" disebut "pa" atau "hendak makan" sebagai "nak mamam". Dengan penggunaan kata tunggal, mereka mampu memahami orang lain tentang perkara yang mereka mahu. Kanak-kanak boleh meminta barangan atau makanan yang dihendaki oleh mereka.

Kemudiannya pada usia tiga hingga empat tahun, kanak-kanak akan melalui peringkat permulaan tatabahasa atau Tahap Dua Kata dan kanak-kanak pada usia ini sudah boleh menyebut ayat yang mengandungi subjek dan predikat, contohnya "adik num" yang membawa maksud "adik sedang minum". Walau bagaimanapun sebutan dan nahu bagi perkataan yang disebut adalah tidak sistematik dan kosa kata mereka terhad. Kanak-kanak menolak perkataan yang sukar pada peringkat usia ini namun mereka dapat menjana tatabahasa dan nahu perkataan yang lebih banyak.

Peringkat seterusnya ialah pada usia empat hingga lima tahun kanak-kanak mula menggunakan perkataan yang agak kompleks dengan tatabahasa dan nahu yang betul. Sebutan, makna, imbuhan, bunyi dan penggunaan ayat. Perkataan atau ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak lebih sistematik dan dapat menyatakan makna tertentu. Laras-laras bahasa dan norma-norma percakapan dipatuhi oleh kanak-kanak. Percakapan etnik atau kaum mereka dan percakapan kumpulan mula diikuti oleh kanak-kanak. Kanak-kanak turut mempelajari seni kata lagu dan mengikut seni kata tersebut. Apabila kanak-kanak menyebut sesuatu perkataan berkali-kali maka kanak-kanak akan

menguasai bahasa dengan hanya mendengar atau meniru percakapan orang di sekeliling.

Pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak juga dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antaranya ialah perkembangan minda kanak-kanak, faktor biologi, motivasi, lingkungan sosial dan kevariasian bahasa. Perkembangan minda kanak-kanak merupakan salah satu faktor penguasaan bahasa. Faktor biologi pula ialah sekiranya kanak-kanak daripada keturunan ibu bapanya cerdik maka pemerolehan dan penguasaan bahasa dalam kanak-kanak itu adalah mudah. Kanak-kanak dipengaruhi dengan lingkungan sosial mereka dalam pemerolehan dan penguasaan bahasa. Misalnya pemerolehan dan penguasaan bahasa kanak-kanak yang daripada persekitaran yang status sosial yang tinggi adalah berbeza dengan kanak-kanak daripada status sosial yang sederhana atau marhain. Kanak-kanak yang disediakan persekitaran yang baik dan selesa memberi motivasi kepada mereka memperoleh sesuatu bahasa dengan mudah.

Bahasa pertama dan bahasa ibunda digunakan dalam semua aspek terutamanya dalam keadaan yang emosional. Namun begitu, penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua adalah berdasarkan pemerhatian, pengumpulan pengetahuan kosa kata yang gramatikal. Pemerolehan dan penguasaan bahasa kedua berlaku aktif dalam kalangan kanak-kanak ketika mereka berusia 2 hingga 3 tahun. Hal ini juga terdapat dalam buku *The Developing Child*. Kanak-kanak yang berada di prasekolah diajarkan bahasa kedua agar kanak-kanak itu tidak hanya terikat kepada bahasa Inggeris atau bahasa ibundanya.

Puteri Roslina Abdul Wahid (2004) berpendapat bahawa kanak-kanak mempelajari bahasa dengan aktif ketika mereka berusia tiga tahun manakala menurut Boyer 1991, kanak-kanak pada tahun pertama di paskolah telah memiliki keupayaan perbendaraan kata lebih 3000 patah perkataan. Pemerolehan dan penguasaan bahasa pertama dikaitkan dengan bahasa asli atau bahasa ibunda.

Pemerolehan dan penguasaan bahasa kedua dapat dilakukan dengan lebih aktif dalam suasana prasekolah yang menghiburkan kanak-kanak. Pemerolehan bahasa dikaitkan dengan penguasaan bahasa kanak-kanak dan dua faktor utama yang dikaitkan dengan pemerolehan bahasa ialah pengaruh faktor seperti biologi dan persekitaran. Mengikut Piaget, semua kanak-kanak dilengkapi dengan alat nurani yang berbentuk mekanikal umum sejak lahir untuk digunakan untuk menguasai bahasa. Bagi Chomsky dan Miller pula, alat yang khusus ini dikenali sebagai Language Acquisition Device (LAD) yang membolehkan kanak-kanak mampu memperoleh sesuatu bahasa dengan mudah dan cepat.

Kajian-kajian terkini oleh Bates, Snow dan Tomasello telah mengemukakan hipotesis bahawa pemerolehan bahasa adalah hasil daripada kebolehan kognisi umum manusia dan interaksinya dengan masyarakat sekitarnya. Pemerolehan bahasa bermula sejak bayi dilahirkan dan mereka mula mengecam bunyi-bunyi yang terdapat di sekitarnya. Mengikut Brookes (dlm. Abdullah Yusoff dan Che Rabiah Mohamed, 1995:456), pemerolehan bahasa dalam bentuk yang paling sederhana bagi setiap bayi bermula pada waktu bayi itu berumur lebih kurang 18 bulan dan mencapai bentuk yang hampir sempurna ketika berumur lebih kurang empat tahun. Bagi Mangantar Simanjuntak (1982) pula, pemerolehan bahasa bermaksud penguasaan bahasa oleh seseorang secara tidak langsung dan dikatakan aktif berlaku dalam kalangan kanak-kanak dalam lingkungan umur 2-6 tahun. Pemerolehan bahasa dikaitkan dengan penguasaan sesuatu bahasa tanpa disedari atau dipelajari secara langsung iaitu tidak melalui pendidikan secara formal tetapi sebaliknya memperolehinya dari bahasa yang dituturkan oleh ahli masyarakat di sekitarnya.

1.3 Pernyataan Masalah

Pemerolehan dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak India melalui deria visual merujuk kepada unsur leksikal dalam golongan kata bahasa Melayu. Sebelum kajian ini dilaksanakan, penyelidik tidak dapat menentukan pemerolehan dan penguasaan leksikal dari aspek yang hendak dikaji. Mengenal pasti pemerolehan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu kanak-kanak India di prasekolah bukanlah satu usaha yang mudah. Pembawaan budaya bahasa pertama dan bahasa ibunda boleh mempengaruhi pemerolehan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu kanak-kanak. Setakat ini kajian tentang leksikal bahasa Melayu kurang dijalankan.

Penyelidik meletakkan Hipotesis Alternatif bahawa pemerolehan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu dalam kanak-kanak India melalui rangsangan bahan visual seperti gambar akan dipengaruhi oleh bahasa pertama atau bahasa ibunda. Hipotesis penyelidik dibuktikan dengan penyelidikan yang dijalankan. Penyelidik bersependapat dengan Virginina French Allendalam hal tersebut.

Kosa kata yang banyak dalam bahasa kedua menyukarkan kanak-kanak memperoleh leksikal bahasa Melayu dengan mudah. Kanak-kanak keliru dalam menyebut sesuatu perkataan kerana penggunaan istilah bahasa Melayu adalah luas. Satu perkataan boleh membawa kepada maksud yang pelbagai. Contohnya:

“Rumah itu ayah saya bikin”

Sepatutnya

“Rumah itu dibuat oleh ayah saya”.

Kosa kata tertentu tidak difahami maksudnya oleh kanak-kanak tetapi selalu disebut kerana kosa kata kanak-kanak India dalam aspek golongan kata tidak lengkap atau bermutu. Motivasi yang kurang daripada guru dan ibu bapa yang dalam mempelajari bahasa kedua menyukarkan pemerolehan leksikal kanak-kanak. Ibu bapa lebih banyak memotivasikan anak-anak menggunakan bahasa ibunda seperti bahasa Tamil dan bahasa Inggeris proses pemerolehan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu.

Pendedahan yang kurang dalam leksikal bahasa Melayu oleh guru-guru mahupun ibu bapa menyebabkan pemerolehan dan penguasaan leksikal berlaku perlahan. Kanak-kanak cenderung menggunakan bahasa ibunda dalam bahasa Melayu. Piagam SR yang menekankan bahasa Inggeris menyebabkan guru-guru mempraktikkan penggunaan bahasa Inggeris dalam komunikasi di kelas.

Fungsi bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa menyebabkan penggunaan bahasa ini semakin meluas dalam kalangan masyarakat Malaysia. Oleh itu, isu ini memberi implikasi yang cukup besar terhadap makna ujaran bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak India sebagai bahasa kedua. Bahasa Inggeris ini dianggap menjadi pengganggu kepada kanak-kanak dalam memperoleh bahasa kedua kerana secara tidak sedar menggunakan unsur-unsur bahasa pertamanya ketika menggunakan bahasa kedua.

Rangsangan visual dalam pemerolehan dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak. Kanak-kanak yang mempelajari bahasa kedua mudah mengingat sesuatu perkataan apabila melihat gambar, video atau kad. Rangsangan visual menyokong input yang kanak-kanak dapat dalam proses pemerolehan dan penguasaan bahasa. Dalam pemerolehan kognitif bahasa kedua, rangsangan visual adalah cara yang paling menonjol. Gass (1997) berpendapat pemerolehan bahasa kedua akan lebih berkesan melalui input yang kanak-kanak peroleh di dalam kelas.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai leksikal bahasa Melayu secara tidak langsung menambahkan kosa ilmu terhadap perkembangan ilmu linguistik tempatan amnya dan pendidikan bahasa Melayu khasnya. Kajian mengenai leksikal bahasa Melayu secara tidak langsung menambahkan mutu pendidikan bahasa Melayu khasnya dan menjadi panduan kepada guru-guru yang mengajar bahasa Melayu untuk kanak-kanak India. Dapatan kajian ini juga penting kepada ibu bapa untuk mengenal pasti cara bahasa ibunda serta bahasa pertama mempengaruhi pemerolehan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu kanak-kanak India.

Kajian-kajian sebelum ini turut membantu dari segi penambahan kosa ilmu namun kelebihan kajian adalah dengan menumpukan pemerolehan dan penguasaan bahasa Melayu kanak-kanak India melalui rangsangan visual terutamanya golongan kata. Oleh itu, kajian ini akan memperlihatkan makna bagi sesuatu golongan kata dapat ditentukan melalui pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh penyelidik.

Secara tidak langsung, peranan konteks ayat dalam data yang akan dipaparkan nanti dapat mendedahkan penguasaan leksikal bahasa Melayu dari aspek golongan kata dalam kanak-kanak India. Kajian ini akan dapat membantu kaum India terutamanya kanak-kanak untuk menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik. Kajian ini juga memberi panduan kepada guru-guru yang mengajar bahasa Melayu kepada kanak-kanak yang bukan penutur bahasa ini.

Bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa kebangsaan yang menjadi wahana penyatuan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Setiap rakyat Malaysia harus menguasai bahasa Melayu dengan baik agar dapat memartabatkan bahasa kebangsaan. Usaha ini harus dimulakan dari kanak-kanak di prasekolah lagi. Kajian ini membantu memperlihatkan faktor-faktor yang mempengaruhi pemerolehan leksikal bahasa Melayu.

1.5 Objektif kajian

Objektif kajian yang dijalankan oleh penyelidik adalah mengenal pasti tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa Melayu kanak-kanak India di prasekolah. Di samping itu kajian yang dijalankan juga menghuraikan tahap pemerolehan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak India. Bukan itu sahaja, kajian yang dijalankan ini menjelaskan faktor-faktor afektif dalam pemerolehan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu.

1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian dibina mengikut objektif kajian. Kajian ini juga menjawab persoalan sejauh manakah tahap pemerolehan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu kanak-kanak India di prasekolah? Malahan kajian yang dijalankan mampu menjawab persoalan kajian iaitu bagaimanakah tahap pemerolehan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak India? Persoalan yang terakhir ialah bagaimanakah kajian ini menghuraikan faktor-faktor afektif teori Monitor dalam pemerolehan Bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak India?

1.7 Skop Kajian

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji pemerolehan dan penguasaan leksikal bahasa Melayu iaitu golongan kata dalam kalangan kanak-kanak India. Instrumen kajian yang digunakan ialah pemerhatian. Enam keping gambar akan ditunjukkan kepada kanak-kanak untuk melihat pemerolehan leksikal bahasa Melayu dari aspek golongan kata dalam kalangan kanak-kanak India melalui rangsangan visual.

Teori Pemerolehan bahasa iaitu Teori Monitor digunakan sebagai kerangka teori kajian. Teori monitor diperkenalkan oleh profesor Dr. Stephen Krashen seorang pakar bidang linguistik dan mengemukakan 5 hipotesis dalam penguasaan dan pemerolehan bahasa kedua. Terdapat tiga faktor dalaman yang beroperasi dalam minda manusia semasa mempelajari bahasa kedua. Filter dan organizer merupakan dua alat memproses bahasa yang berfungsi secara sedar.

Kajian ini dijalankan terhadap kanak-kanak India dalam lingkungan umur 5 hingga 6 tahun yang sedang belajar di tadika SR Thivy Jaya, Seremban 2 dan Senawang, Negeri Sembilan, Malaysia. Kanak-kanak ini telah diperhatikan oleh penyelidik sebelum kajian dijalankan. Penyelidik telah ke SR terbabit itu beberapa kali agar kanak-kanak membiasakan diri bersama penyelidik. Kajian ini mengambil masa dari bulan Februari hingga April. Kanak-kanak diperhatikan oleh penyelidik di dalam kelas cara mereka berkomunikasi dan berinteraksi dalam bahasa Melayu bersama rakan-rakan dan guru-guru. Penyelidik memanipulasi kajian pemerhatian dan nota catatan. Satu soal selidik diedarkan dalam kalangan ibu bapa untuk mengenal pasti bahasa ibunda dan bahasa pertama mereka. Kanak-kanak prasekolah swasta dipilih sebagai responden kajian kerana mereka menerima pengaruh bahasa ibunda iaitu bahasa Tamil dan bahasa pertama iaitu bahasa Inggeris. SR menekankan penguasaan English dalam kalangan kanak-kanak. Namun begitu, bahasa Melayu masih ditawarkan sebagai bahasa yang wajib kepada kanak-kanak.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Pemerolehan dan penguasaan Leksikal bahasa Melayu

Pemerolehan bahasa ialah proses manusia memperoleh kemampuan untuk mengujarkan perkataan untuk pemahaman dan komunikasi. Pemerolehan ini melibatkan berbagai kemampuan seperti sintaksis, fonetik, dan kosa kata yang luas. Pemerolehan leksikal ini ialah proses yang berperingkat-peringkat dan akhirnya mereka menguasai bahasa kedua dengan baik. Dalam kajian ini penguasaan leksikal ialah menguasai bahasa Melayu secara menyeluruh atau dipengaruhi oleh bahasa ibunda mahupun bahasa pertama. Leksikal pula bermaksud, makna kamus; makna kata yang diperolehi daripada kamus. Dalam konteks kajian ini, leksikal bermaksud mengecam, memahami dan berupaya menggunakan maksud sesuatu perkataan yang diujarkan. Dalam Kamus Dewan (2005) perkataan penguasaan bererti perihal menguasai atau penguasaan dalam sesuatu bahasa. Namun begitu dalam konteks kajian ini, penguasaan bahasa ialah kemampuan atau keupayaan pelajar menggunakan bahasa yang diperolehi berdasarkan gambar-gambar yang ditunjukkan oleh guru sebagai stimulasi. Pemerolehan dan penguasaan kanak-kanak prasekolah diukur dari segi kebolehan kanak-kanak prasekolah dalam lingkungan umur 5 hingga 6 tahun menghasilkan ayat-ayat ringkas berdasarkan rangsangan gambar yang diberikan oleh penyelidik. Dalam konteks kajian, penguasaan individu dalam pemilihan kata atau leksikal dalam aspek golongan kata.

1.8.2 Bahasa Melayu

Nama 'Bahasa Malaysia' mula digunakan secara meluas selepas 13 Mei 1969 untuk tujuan politik, iaitu untuk menanamkan perasaan milik bersama terhadap bahasa itu dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Nama bahasa Malaysia telah ditukar semula kepada bahasa Melayu. Penyata Razak merupakan akar umbi dalam penggunaan bahasa Melayu dalam pendidikan di Malaysia. Apabila menyedari kepentingan bahasa dalam menyatukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum maka bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantaraan dalam pendidikan.

1.8.3 Kanak-kanak India prasekolah

Kanak-kanak India di Malaysia ialah kanak-kanak yang ibu bapa berketurunan India dan turut menerima segala kemudahan pendidikan di Malaysia. Kanak-kanak India ini mempunyai bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Tamil. Kebanyakan keluarga India di Malaysia turut menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama mereka dalam kehidupan seharian mereka. Kanak-kanak India kebiasaannya mempelajari bahasa Melayu di peringkat

prasekolah. Namun begitu, pengaruh bahasa ibunda iaitu bahasa Tamil dan bahasa pertama iaitu bahasa Inggeris masih tebal dalam diri mereka. Dalam konteks penyelidikan ini bermaksud kanak-kanak prasekolah yang berumur 5 hingga 6 tahun dan berbangsa India.

1.8.4 Golongan kata

Prof Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim dan rakan-rakannya melalui bukunya Tatabahasa Dewan mengelaskan golongan kata kepada empat iaitu kata nama, kata adjektif, kata kerja dan kata tugas. Kata nama terbahagi kepada tiga iaitu kata nama am, kata nama khas dan kata ganti nama. Manakala kata adjektif berfungsi sebagai kata sifat yang menerangkan keadaan sesuatu nama dan frasa nama. Kata kerja ialah kata yang digunakan untuk menyatakan perbuatan, tindakan atau pekerjaan oleh subjek terhadap objek. Kata tugas berperanan mendukung fungsi sintaksis yang hadir dalam binaan frasa dan klausa. Kata tugas terdiri daripada kata sendi, kata hubung, kata seru, kata arah, kata bilangan, kata bantu, kata penguat, kata perintah, kata nafi dan kata penegas.

RUJUKAN

- Agus Suherman Suryadimulya.(2008).*Analisis Teori Monitor Dalam Akuisis Bahasa Kedua*.Lembaga Pengabdian Kepada Masyarakat UNPAD (makalah).Bandung.
- Andrea Jakubowski. (2013).*Using Visual Aids in the Secondary Language Classroom: An Action Research Study on the Use of Illustrations during TPRS Instruction*.(Tesis Master). The University of Toledo. Ohio.United States
- Asmah Haji Omar. 1986. Bahasa dan Perkembangan Mental.*Jurnal Dewan Bahasa* 31(10): 711 - 720
- Ab. Razak Ab. Karim, & Muhammad Saiful Haq Bin Hussin. (2011). Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar di Islamic Sant/Tham Foundation School (ISFS). *Jurnal Pengajian Melayu*, 22(1), 22-27.
- Abdul Rashid Jamian. (2002). *Pemerolehan dan Penguasaan Sintaksis Bahasa Melayu di kalangan Kanak-kanak Prasekolah*.(Tesis Master).Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Kuala Lumpur.
- Abdullah Yusoff dan Che Rabiah Mohamed. (1995). Masalah Pembelajaran: Tanda dan Simptom Kecacatan Komunikasi Lisan Murid Pendidikan Khas.*Jurnal Bahasa*,Jilid 14.
- Barret, M. D. 1985.*Issues in the Study of Children's Single Word Speech*. Dlm. M. D. Barret (Ed.), *Children Single-Word Speech*. Chichester, England: Wiley.
- Berk, L. E. (2000) *Child Development (5th Ed.)*. Boston: Allyn & Bacon.
- Clement.R.,Major, L.J.,Garner,R.C.,and Smythe,P.C(1977) *Attitudes and Motivation in Second Language Acquistion*,London:Longman
- Dryden, G. & Vos, J. (1997). *The Learning Revolution*. Auckland, NZ: The Learning Web
- Dulay, H., Marina, B., and Stephen, K. (1982) *Language Two*.London: Oxford University Press.
- Farid, M.Onn., and Ajid Che Kob (1981) *Pengaruh Bahasa Daerah dalam Proses Pembelajaran Bahasa Malaysia di Kalangan Pelajar-pelajar Melayu*,Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Gardner & Associates. A.M. Masgoret. (2003). *Attitudes, Motivation, and Second Language Learning: A Meta-Analysis of Studies*. Victoria University of Wellington.
- Gay, L., Mills, G. & Airasian, P. (2006) *Educational research competencies for analysis and applications*. 8th Ed. New Jersey, Pearson
- Gray D.E. 2004. *Doing Research in the Real World*. London: SAGE Publications.
- Hemmeter, M.L. & Kaiser, A.P. (1990). Environment Influences on Children's Language: A Model and Case Study. *Education & Treatment of Children* 13(4). 331 – 346.
- Hudson, R. (2000). "Language as cognitive network in H.G. Simonsen & R.T. Edresen (EDS)," *A cognitive approach to the verb*. (pp 49-72. Berlin.
- Indrawati Hj. Zahid. (1995). *Makna dalam Simpulan Bahasa*. (Tesis Master). Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Indumathy Munusamy. (2013). *Penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar peralihan di tiga buah sekolah di daerah Skudai* (Tesis Master). Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Juriah Long. (1993). *Pemerolehan Imbuhan pada Peringkat Prasekolah dan Implikasinya Terhadap Pendidikan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Krashen, Stephen D. "Laterization, Language, Learning and the Critical Period: Some New Evidence." *Language Learning*, 1972.
- Krashen, S. (1995). *Principle and Practice in Second Language Acquisition*. New York: Prentice Hall.
- Krashen, S. (1985). *The input hypothesis: Issues and implications*. California: Laredo. Publishing Co Inc.
- Krashen, S. (1977). Some issues relating to the Monitor Model. In H.D. Brown, C. Yorio & R. Crymes (eds). *On TESOL'77: Teaching and Learning as a Second Language. Trends in research and Practice*. Washington, hal: 144-158.
- Mangantar Simanjuntak (1982). *Pemerolehan Bahasa Melayu: Bahagian Fonologi*. *Jurnal Dewan Bahasa*, Ogos/September, 615-625.
- Mangantar Simanjuntak. (1987). *Pengantar Psikolinguistik Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mangantar Simanjuntak. (1990). Pertumbuhan dan Perkembangan Bahasa Kanak-kanak. *Jurnal Dewan Bahasa*, September. 692-704.
- Mei-Yu, Lu. 2000. *Language Development in the Early Years*. ERIC Digest D154. 1 Oktober.
- Menn, L., & Bernstein Ratner, N. (2000). *Methods for studying language production*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum
- Norhana binti Md.Saller. (2017). *Pemerolehan Leksikal Bahasa Jepun Melalui Penceritaan Digital*(Tesis Master).Fakulti Bahasa, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noor Aina Dani. (2007). Pengantar Psikolinguistik (Introduction to Psycholinguistics).Petaling Jaya: Sasbadi Sdn.Bhd
- Noor Aina Dani. (2009). *Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak: Satu Analisis ke atas Kanak-kanak berumur 3 tahun 3 bulan (Faiz Naim)*. Prosiding KOLITA.Unika Atma Jaya: Jakarta Indonesia.
- Noor Aina Dani (1993) “*Pengaruh Bahasa Ibunda Dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar-pelajar Dusun*”, *Penulisan Ilmiah Master Sains*, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang.
- Parwathy Ratnam (1993) “*Lexical borrowing from English to Malay*” (Tesis Master). Fakulti Bahasa, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Peter W., Ozóg Conrad and Poedjosoedarmo Gloria.(1996). *Language Use and Language Change in Brunei Darussalam*.Athens (Ohio): Ohio University Center for International Studies,
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2004). *Bahasa Antara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaidah Kamaruddin. (2013). *Ekstralinguistik Bahasa Kedua dalam Pembelajaran Bahasa Pelajar Melayu yang multilingual di Sekolah Berasrama Penuh*(Tesis PHD). Universiti Putra Malaysia, Serdang
- Rozumah Baharuddin. (1992). *Perkembangan Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Slobin D.I., (penterjemah: Ton Ibrahim), 1992. *Ilmu Psikolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Salihah Ab.Patah. (2004). *Analisis Komponen Makna Kata Adjektif Deria Bahasa Melayu*. (Tesis Master).Fakulti Bahasa, Universiti Sultan Idris
- Tay,M.G. (2000). Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak dari segi Sintaksis:Satu Analisis. *Jurnal Dewan Bahasa*, Februari, 228-241.

Vijayaletchumy A/P Subramaniam.(2005).*Pemerolehan Bahasa di kalangan Kanak-kanak Melayu*.(Tesis Master).Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Kuala Lumpur.

Virginia French Allen(1983)*Techniques in teaching vocabulary*.Published. New York, N.Y.: Oxford University Press, 1983.

Zamri Mahamod & Awang Salleh Awang Wahap. (2008). Perkembangan bahasa dan perubahan tingkah laku sosial kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Bahasa*, 8 (1): 160-203. Penerbitan Dewan Bahasa & Pustaka

Zamri, Kamiliah Ayu dan Wan Muna Ruzanna. (2016). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Cina Berdasarkan Sikap Dan Kemahiran Bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)* Vol. 6, Bil. 1: 38-51. Penerbitan Dewan Bahasa & Pustaka

BIODATA PELAJAR

Gayatri A/P Marimothu dilahirkan di Seremban, Negeri Sembilan. Beliau merupakan anak sulung pasangan Encik Marimothu dan Puan Mariayee. Beliau menerima pendidikan awal di SK Taman Dusun Nyior dan kemudiannya di SMK Puteri Seremban. Beliau seterusnya menyambung pendidikan di SMK Seri Ampangan untuk tingkatan 6. Kemudiannya melanjutkan pelajaran di Universiti Putra Malaysia dalam jurusan Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama (PBMP). Setelah tamat pendidikan, Beliau ditempatkan di Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu Kedah sebagai pendidik sebelum berpindah ke Sekolah Menengah Sains Rembau. Beliau berkahwin dengan Encik Kannan dan dikurniakan dua orang cahaya mata iaitu Mugilan dan Mookambiga. Beliau kemudiannya berpindah ke Sekolah Menengah Sains Perempuan Seremban dan hal ini memudahkannya melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana di Universiti Putra Malaysia. Kata-kata motivasi daripada mendiang ayahnya menjadi pemangkin utama beliau menayakan penulisan tesis ini.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA

SESI AKADEMIK : _____

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

PEMEROLEHAN DAN PENGUASAAN LEKSIKAL BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN KANAK-KANAK INDIA DI PRASEKOLAH

NAMA PELAJAR : GAYATRI A/P MARIMOTHU

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]